

Newspaper	Berita Harian
Date	24 October 2015

# BAJET DEMI RAKYAT

**B**AJET 2016 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Kewangan pastinya mendapat pelbagai reaksi daripada semua orang tidak kira penjawat awam, tenaga kerja swasta dan juga rakyat jelata keseluruhannya. Kita semua tahu Bajet 2016 diolah dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu. Pun begitu kerajaan telah mengambil kira keperluan yang dapat memacu negara agar Rancangan Malaysia Ke-11 tercapai maksud dan hasratnya.

Sepintas lalu kita lihat beberapa pencapaian ekonomi negara melalui bajet-bajet terdahulu. Dari segi makroekonomi kerajaan telah dapat mengatasi beberapa masalah secara berkesan. Dengan perancangan bajet yang baik kita dapat lihat kerajaan dapat mengurangkan kadar kemiskinan dari 3.8 peratus (di tahun 2009) kepada 0.6 peratus (2015 suku ketiga). Masalah miskin tegar pula sudah dapat diatasi sepenuhnya. Masalah pengangguran telah dapat dikurangkan dari 3.4 peratus (2009) kepada 2.9 peratus.

Secara umumnya Bajet 2016 menggariskan lima tunjang utama iaitu

- Memperteguh ketahanan ekonomi negara.
- Meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau.
- Mempersiapkan modal insan.
- Memperkasa agenda bumiputera.
- Meringankan kos sara hidup rakyat.

Sebanyak 1.8 juta pekerjaan telah dapat diwujudkan pada tahun ini. Bermakna kita boleh mengatakan kadar pengangguran di negara kita ini adalah terkawal. Kalau mengikut teori makroekonomi kita boleh dikatakan berada pada tahap "full employment". Ini adalah kerana memang ada sahaja orang yang tidak bekerja dalam sesuatu masa kerana bertukar kerja atau sedang mencari kerja yang lebih sesuai dengan kemahiran yang ada pada mereka.

Kadar inflasi juga berada pada tahap dua hingga 3.5 peratus yang boleh dianggap biasa untuk negara yang sedang membangun. Dengan mengawal harga barang-barang keperluan seperti gula, beras, tepung, telur dan lain-lain, kerajaan dapat memastikan harga barangan tersebut adalah mampu bagi semua rakyat. Kiranya orang susah dan miskin pun boleh mendapatkan barang keperluan tersebut kerana harganya berpatutan.

Dari segi fundamentalnya ekonomi Malaysia masih kuat. Rezab negara adalah RM418 bilion yang dapat menampung lapan bulan eksport. Defisit kerajaan juga dijangka akan turun kepada 3.1 peratus.

Dari segi keprihatinan kerajaan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah, Bajet 2016 terus menambah baik bantuan yang disediakan untuk golongan sasar. BR1M untuk isi rumah yang berpendapatan RM3,000 ke bawah telah dinaikkan dari RM950 kepada RM1,000.



PERDANA Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Tun Razak (kiri) bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menunjukkan buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016 selepas membentangkan Bajet 2016 di Parlimen, semalam.

Manakala RM800 BR1M diberi untuk isi rumah yang berpendapatan RM3,000 dan RM4,000.

Satu lagi kategori penerima BR1M diwujudkan, iaitu bagi isi rumah yang berpendapatan kurang RM1,000 sebulan, mereka bakal menerima BR1M sebanyak RM1050. Seterusnya kerajaan memberi RM400 untuk individu berusia 21 tahun ke atas yang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah. Walaupun kenaikan ini sedikit sahaja namun ia tetap naik memandangkan keadaan ekonomi sekarang.

## Pembelaan

Golongan B40 terus mendapat perhatian kerajaan di mana pelbagai peluang meningkatkan pendapatan golongan ini diperluaskan. Bagi mereka dalam kategori M40 pula, yang berpendapatan sederhana kerajaan akan mengkaji semula pelepasan cukai yang dikenakan agar dapat membantu golongan ini mengatasi beban sara hidup yang semakin tinggi. Golongan OKU terus mendapat habuan daripada kerajaan. Elaun bulanan sebanyak RM350 diberi kepada OKU. RM300 pula diberi kepada mereka yang menjaga OKU yang terlantar.

Untuk meringankan beban ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah, kerajaan akan terus memberi RM100 untuk setiap pelajar sekolah rendah dan menengah. Bantuan baucar buku kepada pelajar-pelajar IPTA sebanyak RM250 akan memanfaatkan kira-kira 1.2 juta pelajar IPT di seluruh negara. Seterusnya pelepasan cukai sebanyak RM7,000 diberi untuk

pendidikan tinggi anak-anak di universiti.

Usahawan bumiputera terus mendapat pembelaan. Sebanyak RM500 juta disediakan untuk membantu golongan ini. Manakala RM100 juta untuk usahawan India dan RM90 juta untuk perniagaan kecil orang Cina. Amanah Ikhtiar diperuntukkan RM200 juta, manakala RM300 juta disediakan untuk pembangunan orang Asli. Program eRezeki dan eUsahawan diperuntukkan bajet sebanyak RM100 juta.

Untuk menjaga keselamatan negara, kerajaan memperuntukkan RM17.3 bilion kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan RM 13.1 bilion kepada polis. Sebanyak 2,000 rumah mampu milik untuk ATM dan 2,000 rumah yang sama untuk polis bakal dibina. Ini menunjukkan kerajaan sangat prihatin kepada mereka yang terlibat dalam menjaga keamanan negara.

Dari segi kesihatan pula, lima buah hospital baru akan dibina. Sebanyak 33 Klinik 1Malaysia akan dibina di samping 328 buah yang sedia ada bagi memastikan rakyat mendapat penjagaan kesihatan yang baik pada harga RM1. Dari segi GST, pelaksanaannya adalah lancar. Sebanyak 400,000 syarikat telah mendaftar dan kepatuhan adalah 90 peratus. Sejak diperkenalkan pada 1 April 2015, sebanyak RM21 bilion telah dapat dikutip oleh kerajaan.

Ini amat membantu dari segi pungutan hasil oleh kerajaan. Dengan itu defisit yang diharapkan turun kepada 3.1 peratus boleh di capai.

Dari segi fundamentalnya ekonomi Malaysia masih kuat. Rezab negara adalah RM418 bilion yang dapat menampung lapan bulan eksport. Defisit kerajaan juga dijangka akan turun kepada 3.1 peratus. Keprihatinan kerajaan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah, Bajet 2016 terus menambah baik bantuan yang disediakan untuk golongan sasar.

Dari segi prasarana lain pula pembinaan dan pembaikan lapangan terbang sedia ada, pembinaan MRT dan LRT luar bandar juga sangat dialu-alukan bagi memudahkan sistem pengangkutan di luar bandar.

Petani dan pekebun getah dan kelapa sawit juga mendapat perhatian kerajaan. Harga getah turut dinaikkan bagi memastikan pekebun kecil mendapat hasil yang berpatutan dengan usaha mereka. Usahawan agro juga mendapat perhatian kerajaan yang menambah pendapatan pengusaha di bidang pertanian. Matrade pula mendapat RM235 juta bagi tujuan mempromosi produk-produk PKS untuk eksport.

Modal insan adalah perkara yang perlu dititik berat oleh sesebuah negara yang ingin mencapai taraf negara maju. Bagi mempersiapkan siaga modal insan pula kerajaan telah memperuntukkan RM41.3 bilion untuk pembinaan sekolah dan juga untuk meningkatkan mutu pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Program e-Kasih yang menyediakan makanan pagi untuk pelajar-pelajar sekolah yang layak mendapat suntikan sebanyak RM350 juta.

Sebanyak RM1.6 bilion disediakan untuk biasiswa. Manakala pelepasan untuk mereka yang mempunyai anak yang sedang belajar di IPT dinaikkan kepada RM7,000. Baurac buku bernilai RM250 terus diberi kepada 1.2 juta pelajar IPT.

Untuk teknologi hijau pula, kerajaan memperuntukkan RM1.5 bilion. Manakala MaGIC mendapat RM35 juta, projek usahawan muda mendapat RM30 juta dan demand driven projek mendapat peruntukan RM50 juta. Seterusnya melalui SME kerajaan memperuntukkan RM500 juta untuk penambahbaikan teknologi hijau oleh industri.

Penulis adalah Penganalisis Ekonomi, Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM.